

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID**  
**[ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 07 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah peranan utama yang dimainkan oleh ikon TVET Kementerian Yusry Abdul Halim (Yusry KRU) dalam aspek pembangunan TVET, dan bagaimanakah kemahiran dan pengalaman yang ada pada beliau dalam bidang seni dapat memartabatkan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mempunyai peranan penting dalam membantu usaha kerajaan untuk menjadi negara maju yang setaraf dengan negara maju lain dan tidak keterlaluan jika TVET dianggap sebagai kunci kemajuan negara pada masa akan datang.
2. Kementerian telah melantik saudara Yusry Abdul Halim atau lebih dikenali sebagai Yusry KRU sebagai IKON TVET KSM, dan perkara ini telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dalam Sidang Media Pra-Pelancaran Persidangan TVET 2019 dan Pengumuman Ikon TVET pada 4 Julai 2019. Lantikan untuk tempoh dua tahun dan akan turut bekerjasama dengan pasukan Penasihat TVET KSM dan juga jabatan.
3. Lantikan beliau bukanlah berdasarkan kepada populariti semata-mata, tetapi diperkukuhkan lagi dengan pencapaian beliau dalam pelbagai cabang seni baik di dalam mahupun luar negara. Beliau telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam industri animasi dan kesan khas visual yang merupakan salah satu bidang TVET yang ditawarkan di negara ini. Bidang TVET bukan hanya merangkumi kursus-kursus "*hard-skills*" tetapi turut meliputi "*soft-skills*".
4. IKON TVET KSM ini mempunyai peranan penting dalam menarik minat generasi muda untuk menceburi bidang TVET sebagai persiapan sebelum menceburi pasaran pekerjaan. Pengalaman dan kreativiti yang dimiliki oleh beliau dapat dimanfaatkan dalam mempromosi bidang TVET khususnya bagi menerangkan kebaikan dan potensi bidang ini kepada masyarakat.

## SOALAN NO : 10

5. Kejayaan beliau menunjukkan bahawa seseorang individu mampu menjadi pakar dalam sesuatu bidang dengan syarat mereka tekun mendalami ilmu dan kemahiran menerusi *life long learning* dan pelbagai pendekatan pembelajaran. Kementerian yakin beliau dapat membantu dalam mengetengahkan idea-idea baru dan pendekatan yang kreatif serta berimpak tinggi untuk secara berterusan mempromosikan TVET ke seluruh negara. Pelbagai program promosi publisiti dan kesedaran sedang diatur untuk melibatkan penyertaan saudara Yusry termasuk untuk menjenamakan semula “*Skills Malaysia*” bagi menarik minat belia di bidang kemahiran.

6. Kejayaan IKON TVET KSM dalam bidang seni, daripada muzik hingga lakonan, selain penerbitan filem diyakini dapat menjadi inspirasi dan sekaligus meningkatkan kesedaran masyarakat terutama ibu bapa mengenai potensi bidang TVET untuk masa depan anak-anak.